

02/12/2003

Dr Mahathir dapat doktor persuratan

KUALA LUMPUR: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, manakala Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Bidang Kemasyarakatan).

Rektornya, Prof Dr Mohd Kamal Hassan, berkata anugerah itu diberi sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangan bekas Perdana Menteri kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan negara.

"Antara jasa besar beliau ialah mengasaskan UIAM yang kini menjadi universiti bertaraf dunia dengan lebih 20,000 pelajar tempatan dan antarabangsa yang mengikuti pelbagai bidang pengajian.

"Penganugerahan itu akan dilakukan Ketua Perlembagaan UIAM, iaitu Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada majlis konvokesyen khas pertengahan Januari depan di kampus Gombak," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Dr Mohd Kamal berkata, UIAM mengemukakan cadangan penganugerahan itu kepada Dr Mahathir ketika masih menjadi Perdana Menteri, tetapi menolaknya kerana beliau tidak mahu menerima sebarang penganugerahan ketika sedang berkhidmat.

UIAM adalah universiti kedua selepas Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Kejuruteraan kepada Dr Mahathir pada majlis konvokesyen khas, 4 Disember ini di Skudai, Johor.